

“Melihat keadaan keluarga yang serba kekurangan, saya tekad untuk berjaya dalam SPM, seterusnya menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi”

**Emy Heetai,
Pelajar**

“Saya lemah dalam mata pelajaran Sejarah kerana perlu mengingati banyak fakta. **Hasil kerja keras, saya berjaya mendapat A dalam mata pelajaran itu”**

**Farhan Mohd Faiz Choo,
Pelajar**

Pelajar Orang Asli hadiahkan ibu 9A

» Kesukaran hidup bakar semangat Emy cemerlang SPM

**Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi**
tuty@bh.com.my

► Seremban

Insaf dengan kesukaran ibunya yang menoreh getah untuk membesarakan mereka empat beradik membuatkan Emy Heetai daripada masyarakat Orang Asli, berusaha gigih untuk cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu.

Hasilnya, Emy, 18, berjaya memperoleh 9A dalam peperiksaan itu dan kini mengikuti pengajian dalam bidang Asasi Sains Pertanian di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Keputusan itu adalah hadiah

kepada ibu yang juga seorang ibu tunggal,” katanya selepas Program Pemantapan Tugas Pemimpin Masyarakat Orang Asli Negeri Sembilan dan Melaka di sini, semalam.

Ibu buat jadual belajar

Anak bongsu daripada empat beradik itu berkata, ibu sentiasa menasihatinya supaya belajar bersungguh-sungguh bagi mengubah kehidupan mereka sekeluarga, malah membuat jadual belajar untuknya.

“Melihat keadaan keluarga yang serba kekurangan, saya tekad untuk berjaya dalam SPM, seterusnya menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

“Saya tidak pergi tuisyen berbayar tetapi hanya menghadiri kelas tambahan di sekolah selain banyak bertanya kepada guru perkara tidak difahami di kelas,” katanya.

Emy antara 25 anak Orang Asli dari negeri ini dan Melaka yang cemerlang dalam SPM, Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Ujian Pencapaian Sekolah

Rendah (UPSR) yang diraikan pada majlis berkenaan.

Majlis itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Hasim Rusdi. Turut hadir Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Haslin Abd Razak.

Seorang lagi pelajar Orang Asli cemerlang PMR tahun lalu dengan memperoleh 8A, Farhan Mohd Faiz Choo, 16, berkata dia kerap mengulang kaji serta membuat latihan secara intensif bagi memantapkan pemahaman.

“Saya lemah dalam mata pelajaran Sejarah kerana perlu mengingati banyak fakta. Hasil kerja keras, saya berjaya mendapat A dalam mata pelajaran itu,” katanya.

Sementara itu, Ahmad Faizal Ihat, 13, yang mendapat 5A dalam UPSR dan kini belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sains Tuanku Jaafar, berkata keputusan itu membanggakan ibu bapanya yang banyak berkorban untuknya.